

UMS sambut baik manifesto tubuhkan Institut Kajian Pribumi

UB 12.4.2018 A1

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyambut baik manifesto yang dijanjikan Barisan Nasional (BN) untuk menubuhkan Institut Kajian Pribumi dan Penduduk Asli di UMS.

Naib Canselor UMS Prof Datuk

Dr D Kamarudin D Mudin berkata, institusi seumpama itu amat diperlukan di UMS.

Menurutnya, negeri ini mempunyai banyak kumpulan etnik dan cadangan itu membuka peluang kepada UMS untuk menjadi peneraju dalam bidang berkenaan.

“Saya sangat gembira dengan manifesto ini dan UMS

dalam perancangan untuk membangunkan unit linguistik pribumi.

“Apabila dinyatakan dalam manifesto, ini bermakna daripada etnik dan cadangan itu membuka peluang kepada institut, ia sesuatu yang sangat menggembirakan kami,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis Menandatangani Memorandum

Persefahaman (MoU) antara UMS

dan Maswings di sini pada Rabu.

Kamarudin berkata, UMS lebih

memfokuskan kepada bahasa pribumi dan walaupun bermula peruntukan khas untuk Kursi Kadazandusun di UMS.

Manifesto berkenaan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Kuala Lumpur pada 7 April lepas sempena pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

berkenaan.

Selain penubuhan Institut Kajian

Pribumi dan Penduduk Asli,

manifesto BN turut menjanjikan peruntukan khas untuk Kursi Kadazandusun di UMS.

Manifesto berkenaan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Kuala Lumpur pada 7 April lepas sempena pilihan raya umum ke-14 (PRU14).